

31/08/2001

Turun pangkat jika tidak lapor kejadian sumbang

Rahman Hashim

MELAKA, Khamis - Semua guru besar, pengetua dan Pegawai Pendidikan Daerah (PPD) boleh dikenakan tindakan tatatertib, termasuk diturunkan pangkat jika tidak melaporkan kejadian sumbang yang berlaku di sekolah kepada Jabatan Pendidikan.

Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Abdul Aziz Shamsudin, berkata tindakan itu boleh diambil berdasarkan pekeliling sedia ada, iaitu guru besar atau pengetua bertanggungjawab melaporkan semua kejadian tidak munasabah atau gejala sosial kepada Jabatan Pendidikan.

Bagaimanapun, katanya, yang menjadi masalah sekarang ialah tidak ramai guru besar atau pengetua membaca pekeliling berkenaan, menyebabkan mereka kurang faham tugas sebenar masing-masing.

Beliau berkata, tindakan pihak sekolah memaklumkan sesuatu kejadian sosial kepada Jabatan Pendidikan, tidak akan mencemarkan nama mana-mana pihak kerana lambat laun, perkara itu akan diketahui umum juga.

"Lebih lama perkara itu dirahsiakan, lebih lama ia terpendam dan kerugian bukan saja dialami sekolah malah merebak ke sekolah lain pula," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar gejala sosial di Dewan Seri Negeri Ayer Keroh, dekat sini hari ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Long Said dan Pengarah Pendidikan negeri, Ibrahim Md Noh.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan pegawai pendidikan daerah meminta Guru Besar Sekolah Kebangsaan Methodist, Pokok Asam, Taiping, Tengku Habsah Tengku Petra, memohon maaf kepada Jabatan Pendidikan kerana membuat pendedahan seks oral membabitkan empat murid Tahun Dua sekolah itu.

Pendedahan itu mendapat perhatian pelbagai pihak, termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Abdul Aziz berkata, selaku ketua pentadbir, guru besar, pengetua dan pegawai pendidikan daerah perlu memahami tanggungjawab mereka kerana lebih besar kesalahan dibuat, lebih berat hukuman diterima.

"Mereka yang menjadi pengetua, tidak semestinya akan terus menjadi pengetua, sebaliknya boleh diturunkan pangkat sebagai guru biasa tanpa menjejaskan struktur lain.

"Tindakan ini bukan untuk memalukan mereka tetapi terbukti mereka tidak bertanggungjawab sedangkan kita memerlukan orang yang bertanggungjawab mentadbirkan negara," katanya.

Abdul Aziz berkata, selaku ketua jabatan juga, tanggungjawab pegawai pendidikan daerah adalah lebih berat daripada pengetua dan mereka juga boleh diturunkan pangkat jika merahsiakan kejadian sumbang yang berlaku.

Mengenai tindakan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) untuk mendedahkan pelbagai gejala sosial yang berlaku di sekolah, Abdul Aziz berkata, kementerian tidak akan menghalang usaha itu.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan setiap pendedahan yang dibuat mestilah berpatutan kerana mereka juga adalah daripada kalangan guru.

"Kalau KPPK mendedahkan keaiban guru mereka sendiri, ini bererti mereka bukan saja tidak membela kebajikan guru mereka malah menjadi penghukum kepada guru mereka.

"Ini sekali gus bertentangan dengan asas kepemimpinan sebagai ketua dalam kesatuan itu sendiri," katanya.

(END)

